

Buku kupas penakatan S'pura dilancar

► **MOHD RAMAN DAUD**
raman@sph.com.sg

DAPATKAH Singapura menakat buat 50 tahun menjelang?


Persoalan ini teras buku kelima Profesor Kishore Mahbubani, Dekan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew dan antara 100 cendekiawan ulung dunia.

Bukunya dilancarkan Duta Kelana Kementerian Ehwat Luar, Profesor Tommy Koh, semalam.

Dalam acara dihadiri lebih 100 tetamu, termasuk tokoh niaga dan ilmiwan, di kampus Bukit Timah, Prof Koh menyifatkan Prof Kishore daripada kaum Sindhi dan pernah hidup susah sebagai contoh jaya meritokrasi Singapura.

“Saya yakin modal insan, kepeperintahan baik, ciri berbilang budaya dan keserasian suasana hidup di sini merupakan asas kejayaan Singapura untuk 50 tahun lagi,” kata Prof Koh yang optimis hasil berinteraksi dengan para warga muda Singapura di Kolej Tembusu (Universiti Nasional Singapura) yang ditadbirnya selaku pengarah.

Prof Mahbubani berkata:



“Saya bukan pesimis tetapi kurang optimistik mengenai masa depan Singapura selagi kita gagal membangun naluri dan tindak balas tepat untuk menangani cabaran hari muka.”

Dalam esei pengantar bukunya, beliau melakarkan tiga senario kelanjutan Singapura.

Singapura dapat menakat selagi teguh dengan prinsip dasarnya seperti meritokrasi, pragmatisme dan kejujuran, terus berperanan penting di dalam rantau dan sejagat, pemerintahannya cekap dan bersih lagi tegas serta tidak diancam.

Sebaliknya, Singapura mungkin gagal jika terheret dalam adu kuat dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China, pemerintahannya ikut telunjuk rakyat (populis) sehingga merugikan negara dalam jangka panjang.

Singapura mungkin menakat, hujah beliau, andai ia dapat mengekalkan asas-asasnya, berperanan penting terutama menjadi jurumudi Asean dan memelihara hubungan kaum yang harmoni.

Buku 280 muka terbitan Straits Times Press itu dijual dengan harga \$26.75.

BUAT JUBLI SINGAPURA:

Buku esei karangan Prof Kishore Mahbubani, Dekan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, dilancarkan oleh Duta Kelana Prof Tommy Koh semalam. – Foto THE STRAITS TIMES.